



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية بيننا بالحرم
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
DKU002(B)

BULETIN

HORIZON

EDISI 16

MOBILITI OUTBOUND
KUPU SB SERLAH
POTENSI KENDIRI
PELAJAR KUIS

KENALI STRESS &
CARA MENGATASINYA

AL-QURAN
ADALAH SYIFA'

1,534

GRADUAN KUIS
TERIMA IJAZAH DI
MAJLIS KONVOKESYEN
KUIS KALI KE-21

TEAM CLOUD9 KUIS
JUARA CRAC 2018

**DR. NOR HAKIMAH
BINTI HJ MOHD NOR**

RMC Ke Arah Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan Berkualiti dan Berkesan

Isi Kandungan

- 1 | Prakata
- 2 | Pendidikan Islam Dalam Proses Melahirkan Insan Pada Abad Ke-21
- 4 | RMC Ke Arah Pengurusan Penyelidikan Dan Penerbitan Berkualiti Dan Berkesan
- 7 | KUIS Raih Tempat Ke-4 Dalam Pertandingan Penghujahan Mahkamah Syariah 2018
- 8 | Team Cloud9 KUIS Juara Crac 2018
- 9 | Lawatan Penanda Aras Dari Institut Teknologi (IT) Telekom Purwokerto Indonesia Perkukuh Kerjasama Strategik
- 10 | STAP '18 Memartabatkan Institusi Tahfiz di Malaysia
- 11 | Mobiliti *Outbound* Kupu SB Serlah Potensi Kendiri Pelajar Kuis
- 12 | KUIS-IPG Anjur Bengkel Penulisan Travelog Bantu Pengembara Muslim Hasilkan Jurnal Karya Bermutu
- 13 | KUIS & Unida Gontor Perhalusi Isu Dan Cabaran Bahasa Arab Di Era Globalisasi
- 14 | Bengkel OBE Permudah Proses Penilaian Dalam P&P
- 15 | Al-Quran Adalah Syifa'
- 17 | Kenali Stress & Cara Mengatasinya.
- 19 | 1,534 Graduan Kuis Terima Ijazah Di Majlis Konvokesyen KUIS Kali - 21
- 21 | *The Fourth International Conference On Islamiyyat Studies 2018* (IRSYAD 2018)
- 22 | Ziarah Mahabbah "Semarak Kasih" KUIS Bersama Pelajar-Pelajar Maahad Tahfiz At- Tayyibah
- 23 | Iklan Wakaf KUIS
- 24 | Iklan KUIS

Sidang Editorial

Penaung

Profesor Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri
Rektor

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Hj. Bin Abd Hamid
Timbalan Rektor Pengurusan Korporat
(Pembangunan & Pengantarabangsaan)

Editor

En. Hafiz Bin Mohd Radzi
Ketua Bahagian Pemasaran & Komunikasi

Wartawan

- Dr. Zetty Nurzuliana Rashed
- Dr Norziah Othman
- En. Mohd Firdaus Haris
- En. Mohd Amin Mohd Noh
- Pn. Julia Binti Madzalan
- Ust. Abdul Hakim
- En. Khirulnizam
- En. Wan Fakhru Razi
- Pn.Noor Shamshinar
- Pn. Sharifah Nor Fatin
- En. Zahanim Ahmad
- Pn. Safinah Ismail
- En. Khairul Anuar Ahmad
- En. Mohamad Hanafi Ismail
- Pn. Athilah Juhari

Perunding Grafik

En. Shahrizam Azmer Mohamad

Pembaca Prof

Pn. Raja Nor Ashikin Raja Ramli



PRAKATA

Alhamdulillah, terlebih dahulu dipanjatkan kesyukuran ke hadrat illahi dengan limpah kurnianya untuk penerbitan Buletin Horizon 2018 edisi ke-16 berjaya dihasilkan pada tahun ini. Tahun 2018 KUIS telah menerima 2784 orang pelajar baharu. Tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua sekretariat pemasaran dan kakitangan KUIS yang banyak membantu dalam mempromosikan KUIS di segenap peringkat pengajian. Seiring dengan wawasan KUIS untuk menjadi universiti penuh, KUIS sedang giat melipatgandakan usaha bagi menarik lebih ramai pelajar baharu dari dalam dan luar negara untuk program-program pascasiswazah memandangkan pengenalan yuran yang lebih kompetitif telah diperkenalkan. 2018 juga adalah tahun bersejarah KUIS kerana telah melahirkan graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat. Selain dari itu, penjenamaan semula Pusat Asasi kepada Pusat Matrikulasi juga boleh dijadikan batu loncatan kepada KUIS untuk menarik minat pelajar – pelajar lepasan SPM pada tahun ini. Seiring dengan pelancaran Pelan Strategik KUIS 2019-2023, semoga hala tuju KUIS dalam tempoh 5 tahun akan datang sentiasa dipacu dan berada di landasan yang sepatutnya.

DI SINI LAHIRNYA
DA' ULAMA & UMARA'

En. Hafiz Bin Mohd Radzi

PENDIDIKAN ISLAM DALAM PROSES MELAHIRKAN INSAN PADA ABAD KE-21



Oleh : YBhg. Prof Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri
Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pendidikan Islam secara umumnya merupakan wahana terpenting untuk meneruskan kesinambungan budaya dan tradisi keilmuan Islam yang juga mempengaruhi pembentukan generasi Islam pada masa akan datang. Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia pada awalnya bermula dari rumah imam atau guru agama, seterusnya berkembang menjadi pondok, selepas itu menjadi madrasah dan akhirnya menjadi sekolah-sekolah agama. Sistem pendidikan Islam khususnya ini terus berkembang pada tahun-tahun terakhir abad ke-19, apabila sebilangan besar pelajar-pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu kembali ke tanah air setelah berjaya menamatkan pengajian di Timur Tengah. Setelah negara mencapai kemerdekaan, perubahan dalam sistem pendidikan terus berlaku dan bermula satu perubahan dalam bidang pendidikan Islam secara berperingkat-peringkat. Situasi ini telah menginovasikan status pendidikan Islam daripada pendidikan yang berbentuk tradisional kepada sistem pendidikan Islam yang diterima pakai dalam sistem pendidikan arus perdana. Dalam konteks pendidikan Islam moden Malaysia hari ini, umumnya pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dilaksanakan boleh dikategorikan kepada dua kelompok utama iaitu a) Pendidikan Islam sebagai “mata pelajaran” seperti Pendidikan Islam Teras KSSR dan KSSM Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan Tasawwur Islam; dan b) Pendidikan Islam sebagai “sistem pendidikan” seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Maahad Tahfiz. Kini, di abad ke-21 dan perkembangan Revolusi Industri 4.0, peranan pendidikan Islam menjadi semakin signifikan khususnya dalam memberikan asas yang mantap bagi pembangunan diri setiap individu terutamanya dalam kalangan generasi muda. Setiap individu boleh mendapatkan maklumat di hujung jari dengan mengakses internet di mana-mana sahaja mereka berada. Hal ini menjadi cabaran yang sangat besar kepada ibu bapa dan pendidik, jika mereka tidak bersedia mendepani cabaran

semasa ini. Impaknya, para pendidik khususnya perlu dilengkapi dengan pelbagai bentuk kemahiran terkini yang berasaskan kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Jika tidak, akan wujud jurang digital yang lebar dan luas antara guru dengan pelajar dan antara anak-anak dengan ibu bapa mereka. Dalam usaha mencapai matlamat pendidikan negara yang murni, pengurusan jurang antara generasi ini perlu diuruskan dengan penuh hikmah. Kemampuan untuk memahami dan menangani perbezaan jurang digital ini akan memberikan kesan positif terhadap perhubungan dan komunikasi guru dan pelajar serta memupuk motivasi yang tinggi dalam kalangan pelajar.



Secara umumnya, dalam zaman ledakan maklumat, pengaruh media baharu dan media sosial adalah amat besar kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan pelajar dan generasi muda. Menurut pandangan Islam, remaja telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam dan mereka mempunyai tanggungjawab yang penting kepada diri mereka, keluarga dan masyarakat. Berbanding dengan generasi-generasi terdahulu, masyarakat dalam abad ke-21 kini sedang melalui proses sosialisasi dan kematangan yang berbeza-beza berdasarkan kepada faktor persekitaran yang ada. Gaya kehidupan khususnya para remaja Muslim tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja di negara-negara lain terutama negara Barat kerana remaja Muslim perlu dididik dengan nilai-nilai keislaman yang berteraskan kepada keimanan tauhid dan akhlak Islam. Pada asasnya, tugas dalam memberikan pendidikan Islam kepada anak-anak merupakan fardu ain kepada semua ibu bapa tetapi ramai ibu bapa yang mengabaikan peranan ini disebabkan kesibukan kerja atau ketidakmampuan ilmu dan ditambah pula tiada kemahiran untuk mendidik anak-anak mereka tentang perkara-perkara asas dalam pendidikan Islam. Mereka perlu diberikan pengetahuan yang sesuai dengan prinsip-prinsip dasar hukum Islam. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan secara konvensional malah juga boleh dikembangkan melalui media

massa dan media sosial bagi memastikan generasi muda ini mempunyai perkembangan rohani, emosi, dan intelektual yang mantap. Perkara yang paling penting ialah mereka mampu membezakan perlakuan yang halal atau haram dan antara perkara yang baik atau buruk. Akhlak yang mulia mewujudkan perasaan kasih sayang, saling hormat menghormati serta hidup dalam suasana yang gembira dan harmoni.

Kewujudan bahan-bahan negatif dari dalam atau luar negara menerusi laman web dan pelbagai aplikasi sosial yang ada telah menimbulkan masalah yang serius kepada perkembangan remaja pada masa kini. Keadaan ini menjadi lebih kritikal akibat kesibukan ibu bapa yang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak, bahkan mereka secara bebas menonton dan melayari dunia internet tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan. Perbezaan atau jurang digital dapat dikurangkan jika setiap generasi berusaha memahami ciri-ciri perbezaan dan berusaha membangunkannya untuk kejayaan bersama. Generasi digital membesar di dalam dunia yang mempunyai persekitaran teknologi sejak mereka kecil lagi. Maka, kesannya ramai antara mereka dikatakan kurang mempunyai kemahiran komunikasi serta kurang kemahiran interpersonal dan lebih mesra untuk berkomunikasi secara maya. Apakah akan wujud satu budaya baharu serta nilai-nilai terkini yang dibina untuk mereka? Ini adalah cabaran utama yang dihadapi oleh generasi yang dibesarkan dalam dunia era media sosial. Cabaran utama adalah untuk memahami generasi ini dan bagaimana ibu bapa dan guru-guru dapat berkomunikasi secara berkesan dengan mereka di dalam dan di luar sistem pendidikan. Persoalan yang sering dilontarkan ialah mampukah guru dan ibu bapa memahami realiti dan mendepani cabaran semasa generasi muda pada masa kini?

Kepesatan perkembangan teknologi dan komunikasi, menjadikan semua orang mampu mempunyai gajet dan dapat mengakses media sosial dengan lebih luas. Jika dilihat dalam realiti kehidupan masyarakat sekarang pula, masyarakat tidak lagi hanya terdedah kepada beberapa saluran televisyen sahaja kerana di samping ratusan pilihan saluran televisyen, terdapat ribuan saluran radio dan jutaan laman-laman media sosial dan web yang dengan mudah diakses melalui komputer, laptop dan gajet-gajet komunikasi yang mudah diperolehi. Penggunaan teknologi sememangnya memberi implikasi baharu yang lebih efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sekaligus akan menyumbang kepada kelancaran dalam pendidikan yang melibatkan semua subjek termasuklah bidang Pendidikan Islam. Pembinaan atau pembangunan laman web merupakan salah satu bahan yang membantu tugas guru dalam usaha menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada pelajar-pelajar. Namun, harus diingat bahawa penggunaan teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bukan untuk menggantikan tugas guru, tetapi untuk menimbulkan suasana pengajaran yang lebih menyeronokkan, berkesan dan lebih bermakna. Kewujudan media sosial kini merupakan cabaran baharu dalam dunia

pendidikan kerana ia telah digunakan secara amat meluas dalam generasi muda. Media sosial yang popular seperti Facebook, Facebook Messenger, YouTube, Instagram, Whatsapp, Telegram, WeChat, Google+, LinkedIn, Skype, Line telah digunakan secara meluas di negara ini. Penggunaan media sosial menjadi semakin popular di Malaysia sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar.

Sebagai kesimpulan, kewujudan media massa khususnya media baru telah membuka ruang informasi yang tidak terbatas serta maklumat yang berbagai-bagai sehingga membawa kepada masalah akhlak dan mengancam akidah umat Islam terutama kepada generasi muda yang tidak mempunyai asas Islam yang mantap. Kekurangan dan keketatan agama adalah faktor utama berlakunya masalah akidah dan terdapat mereka yang terlibat menjelaskan bahawa mereka tidak begitu memahami konsep keimanan kepada Allah dan Rasul yang seharusnya menjadi benteng kepada kemaksiatan. Zaman remaja seorang Muslim adalah satu masa yang sangat penting kerana pada waktu tersebut mereka telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam. Mereka tidak boleh disamakan dengan remaja Barat. Maka, para remaja Islam perlu disosialisasikan dengan nilai-nilai ketimuran dan juga akhlak Islam. Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat tentang Islam yang sahih bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang mantap yang boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram. Aliran pemikiran yang salah, kewujudan pelbagai pemikiran moden juga merupakan antara bentuk serangan pemikiran yang boleh merosakkan aspek pemikiran umat. Aspek pemikiran merupakan antara elemen yang memberi pengaruh terhadap tingkah laku manusia. Manusia akan bertindak mengikut apa yang difikirkan. Justeru, kita perlu serius memikirkan strategi untuk sentiasa proaktif membekalkan umat Islam dengan sumber dan acuan pemikiran yang tepat. Hal ini bagi memastikan umat Islam memiliki bentuk pemikiran yang benar, agar sasaran dakwah dapat melaksanakan tindakan yang benar. Ini boleh dilihat melalui fahaman liberalisme, pluralisme, sekularisme, ajaran sesat, ISIS, DAESH telah memberikan ancaman terhadap pembentukan fahaman yang mengelirukan masyarakat termasuk juga kepada generasi muda. Maka, dalam konteks ini, setiap pendidik dan ibu bapa serta ahli masyarakat mestilah mempersiapkan diri untuk menghasilkan generasi insan Rabbani berasaskan akidah sahih dan mempunyai ciri-ciri khalifatullah dan abdillah yang sebenar.



RMC KE ARAH PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN BERKUALITI DAN BERKESAN

Oleh : Sharifah Nor Fatin binti Syed Ramli

1. Bolehkah Dr kongsikan secara ringkas latar belakang profesion Dr sebelum bekerja di KUIS, sebelum bertugas di RMC dan peranan Dr di RMC?

Saya mula bertugas di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 15 Februari 1999 di mana pada masa itu KUIS dikenali sebagai Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR). Lantikan saya adalah sebagai pensyarah di Jabatan Perbankan Islam di bawah Sekolah Pengajian Perniagaan di mana kini keduanya dikenali sebagai Jabatan Perakaunan dan Kewangan dan Fakulti Pengurusan dan Muamalah. Ia adalah profesion tetap saya yang pertama selepas bergraduasi pada masa tersebut. Sebelum itu saya berpengalaman sebagai guru gantian selama 2 bulan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu pada tahun 1998.

Sepanjang perkhidmatan saya di KUIS, saya telah menyandang jawatan sebagai Ketua Jabatan Perbankan Islam bagi beberapa tempoh iaitu bermula pada 11 Disember 2000 sehingga 20 Oktober 2002 dan 1 Februari 2005 sehingga 31 Januari 2008. Seterusnya, pada 15 Januari 2014 saya telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengurusan dan Muamalah sehingga 30 November 2017. Bermula pada 1 Disember 2017 saya mula ditugaskan di Pusat Pengurusan Penyelidikan atau lebih dikenali sebagai RMC (Research Management Centre) sebagai Pengarah.

Secara umumnya, peranan saya sebagai Pengarah RMC adalah merangkumi tugas dalam merancang, mengurus dan memantau aktiviti penyelidikan terutamanya bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK) KUIS dan penyelidikan geran luar yang melibatkan pemantauan kemajuan penyelidikan, pengurusan kewangan, aset dan lain-lain yang berkaitan aktiviti penyelidikan. Ia juga melibatkan pemantauan dan pengurusan dalam pembangunan penyelidikan dan inovasi termasuk penganjuran bengkel berkaitan, penerbitan jurnal dan penyertaan kakitangan akademik



ke pertandingan inovasi serta penerbitan buku ilmiah dan buku penyelidikan.

2. Boleh Dr terangkan serba sedikit peranan dan sejarah penubuhan RMC di KUIS?

Pusat Pengurusan Penyelidikan atau RMC (Research Management Centre) telah ditubuhkan setelah hampir 17 tahun iaitu bermula pada 1 Januari 2002 dengan nama asalnya Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik (PPPA). Pada peringkat awal penubuhannya RMC berperanan untuk membantu gerak kerja penubuhan fakulti dan pusat pengajian baharu, penyediaan dokumentasi menaik taraf KISDAR kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan mewujudkan jaringan kerjasama akademik bersama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) luar negara di Timur Tengah. Selepas beberapa tahun penubuhannya, RMC mula memfokuskan peranannya kepada pembangunan penyelidikan dan penulisan akademik dengan menganjurkan pelbagai aktiviti penyelidikan termasuk bengkel dan seminar penyelidikan dan penulisan serta perkongsian bersama penyelidik, panel dan tokoh akademik berpengalaman daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi memberikan pendedahan dan motivasi kepada kakitangan akademik KUIS dan seterusnya membantu menyemarakkan lagi budaya penyelidikan di KUIS. Peranan RMC terus berkembang dengan membantu hala tuju KUIS dengan menyokong wawasan untuk mencapai status Universiti Penuh. Penjenamaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan

atau Research Management Centre (RMC) berlaku pada 1 Januari 2015. Ia adalah bagi memperkukuhkan hala tuju RMC dengan memberi penumpuan kepada pengurusan aktiviti penyelidikan, pembangunan penyelidikan, penulisan, penerbitan dan inovasi di KUIS dengan lebih sistematik dan efisien. RMC juga menjadikan Malaysia Research Assessment (MyRA) sebagai garis panduan dalam meningkatkan tahap penyelidikan di kalangan kakitangan akademik KUIS dan sebagai tanda aras untuk KUIS ke arah mencapai taraf Universiti Penuh. Penglibatan RMC dalam membantu KUIS untuk penarafan bintang MyRA bermula pada tahun 2013. Dengan penyusunan gerak kerja yang terancang dan usaha yang semakin giat dijalankan oleh RMC dalam pembangunan penyelidikan bersama kakitangan akademik, sehingga kini KUIS telah mempamerkan peningkatan yang positif dalam pencapaian penarafan bintang MyRA. Seterusnya kluster penyelidikan telah dilaksanakan tahun 2016 bagi menguruskan Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) secara tersusun dan lebih bersistematik di mana ia terbahagi kepada 3 kluster iaitu Kewangan dan Pengurusan Islam, Tamadun dan Pemikiran Islam dan Teknologi dan Inovasi.

Kini, secara keseluruhannya peranan RMC merangkumi pelbagai aspek termasuk perancangan dan pengurusan penyelidikan, pengurusan kewangan, pemantauan dan penambahbaikan penyelidikan, pengurusan penerbitan penyelidikan, pengurusan jaringan penyelidikan dan pengkomersialan, pengurusan harta intelek dan pengurusan aset penyelidikan. Di samping itu, RMC juga berperanan sebagai perantara yang terarah kepada membantu permohonan kakitangan akademik KUIS untuk mendapatkan geran penyelidikan luar. Sehingga kini, penyelidik KUIS telah berjaya memperolehi beberapa geran luar seperti geran Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental atau FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) di mana geran FRGS yang pertama dianugerahkan kepada KUIS adalah pada tahun 2014. Antara geran luar yang lain yang berjaya diperolehi adalah Geran Penyelidikan dan Pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (GPPSTI) Kerajaan Negeri Selangor, Geran Penyelidikan Institut Wanita Berdaya (IWB), Bank Rakyat, Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pada masa yang sama, RMC juga menguruskan geran penyelidikan usahasama diantara KUIS dengan IPT dalam negara dan luar negara. Di antaranya adalah usahasama KUIS bersama International Institute of Islamic Thought (IIIT), Kolej Islam Antarabangsa Sultan

Ismail Petra (KIAS), Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Ekuitas, Bandung Indonesia dan Sekolah Tinggi Agama Islam Darul Arafah (STAIDA), Indonesia. Manakala Unit Penerbitan dan Pemasaran atau kini dikenali sebagai Unit Penerbit KUIS telah ditubuhkan pada tahun 2014 di bawah RMC. Penerbit KUIS adalah di bawah naungan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan berfungsi sebagai unit yang menguruskan penerbitan buku ilmiah. Sehingga kini Penerbit KUIS telah menerbitkan lebih 40 buah buku ilmiah dan aktif dalam mempromosikan serta memasarkan buku dengan membuka reruai jualan dan juga secara online. RMC juga di bawah Unit Pembangunan Penyelidikan menguruskan jurnal yang dinamakan e-jurnal Penyelidikan dan Inovasi (e-JPI) yang boleh diakses di laman web <http://rmc.kuis.edu.my/jpi/> di mana terbitan pertamanya adalah pada September 2014 dan yang terkini adalah pada September 2018. Jurnal e-JPI sehingga kini merupakan Jurnal KUIS yang pertama dan satu-satunya Jurnal KUIS yang diindeks oleh MyCite atau Pusat Sitasi Malaysia iaitu Badan Pengindeksan di Malaysia.

3. Sepanjang tahun 2018, boleh Dr kongsikan aktiviti atau program utama yang telah dikendalikan oleh RMC?

Pada tahun 2018, RMC telah menguruskan dan memantau sebanyak 79 Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017 yang masih aktif dan sebanyak 46 geran penyelidikan GPIK 2018 yang baru bermula pada penghujung tahun 2018 di samping sebanyak 20 geran penyelidikan luar yang melibatkan geran penyelidikan FRGS, SUK (GPPSTI), Bank Rakyat, IWB, PPZ dan LZS.

RMC juga telah menganjurkan seminar 5th International Research Management & Innovation Conference 2018 atau 5th IRMIC 2018 pada 8 Ogos 2018 bertempat di Palm Garden Hotel Putrajaya dengan bertemakan "Fostering Research and Innovation towards Sustainable Development". Tujuan utama penganjuran seminar ini adalah untuk memantau kemajuan penyelidikan di mana semua Ketua Penyelidik GPIK yang masih aktif perlu membentangkan laporan kemajuan penyelidikan dengan pemerhatian oleh Panel Penilai yang dilantik oleh RMC dalam kalangan Ketua Kluster dan Sub-Kluster pada hari tersebut. Di samping itu, seminar ini juga bertujuan menggumpal penyelidik di dalam dan luar negara untuk berkongsi hasil penyelidikan dan menambah jaringan akademik dan penyelidikan. Seminar yang diadakan secara tahunan ini dan buat kali kelima pada tahun 2018 ini juga dihadiri oleh pembentang daripada IPT lain dan kesemuanya melibatkan 94 pembentangan. Seminar ini dirasmikan oleh YB Dr. Daroyah Alwi, Ahli Dewan

Negeri Sembaja yang mewakili YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dilengkapkan dengan ucaptama oleh Ybhg. Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Jailani bin Mohd Nor, Naib Canselor dan Presiden, Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) dan juga mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Penerbit KUIS di bawah pengurusan RMC juga bergerak aktif dengan pertama kalinya terlibat dalam memasarkan dan mempromosikan buku terbitan di bawah Penerbit KUIS di peringkat lebih global. Pada tahun 2018 Penerbit KUIS telah membuka reruai jualan yang bernaung di bawah MAPIM di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 27 April hingga 6 Mei 2018 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Aktiviti jualan buku Penerbit KUIS juga digiatkan dengan mengadakan slot Bicara Santai Buku bersama penulis buku dan majlis pelancaran buku baharu terbitan Penerbit KUIS. Dengan penglibatan Penerbit KUIS yang aktif bersama RMC diharapkan dapat membantu memperkenalkan Penerbit KUIS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta seterusnya menaikkan nama KUIS sebaris bersama universiti yang lain dalam penerbitan buku ilmiah.

4. Apakah strategi dan wawasan Dr bagi mengembangkan RMC tahun 2019?

RMC akan terus bergerak aktif bagi memenuhi visi penyelidikan KUIS dalam memartabatkan pusat pengurusan penyelidikan sebagai pusat peneraju pengurusan penyelidikan yang efisien dan profesional. Di samping itu, RMC akan berusaha melaksanakan misi untuk membimbing dan memudahcara penyelidikan yang selari dengan keperluan dan kepentingan ummah ke arah kecermerlangan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru itu, dengan berinspirasi moto "Peneraju Penyelidikan KUIS", pihak RMC telah menambahbaik polisi dan garis panduan penyelidikan bagi membantu KUIS dan penyelidik dalam menguruskan Geran Penyelidikan Inovasi KUIS (GPIK) serta geran penyelidikan luar dengan lebih baik dan efisien. RMC juga akan bergerak bersama dalam melaksanakan Pelan Strategik KUIS 2019-2023 di bawah Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi di mana objektifnya adalah untuk memperkasa pengurusan penyelidikan dan inovasi KUIS berdasarkan strategi MyRA bagi pembangunan organisasi. Secara keseluruhannya ia merangkumi usaha dalam meningkatkan pembangunan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan kakitangan akademik KUIS dan seterusnya membantu meningkatkan penarafan bintang MyRA buat KUIS.

RMC terus mengorak langkah dengan menganjurkan bengkel coaching penyelidikan, penulisan dan penerbi-

tan yang berkesan serta membantu memohon lebih banyak geran penyelidikan luar untuk kakitangan akademik KUIS bagi meningkatkan tahap keberkesanan penyelidikan dan seterusnya merealisasikan lebih banyak penerbitan ilmiah yang berkualiti.



Nor Hakimah Haji Mohd Nor
Pengaroh RMC

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

Aras 2, Blok Akademik 1,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 3215

+603 8926 2634 @ rmc@kuis.edu.my

KUIS RAIH TEMPAT KE-4 DALAM PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH SYARIAH 2018

Oleh : En. Mohd Firdaus Haris



Peserta “Anugerah Penghujahan Bertulis Terbaik”



Pada 27 dan 28 Oktober yang lalu, telah berlangsung Pertandingan Penghujahan Mahkamah Syariah Peringkat Kebangsaan 2018 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pertandingan ini adalah anjuran USIM dengan kerjasama Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Bersama peserta penghujah daripada KUIS

Pertandingan ini turut disertai oleh beberapa IPTA dan IPTS di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Sultan Sharif Ali (UniSSA) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Peserta KUIS yang terdiri daripada pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dengan kekuatan seramai 6 anggota telah menyahut cabaran getir dan ternyata usaha mereka membuahkan hasil apabila berjaya ke pusingan akhir dan meraih tempat ke empat keseluruhan. Tempat pertama dan kedua dimenangi oleh UIAM, diikuti oleh USIM pada tempat ketiga.

Lebih membanggakan, peserta KUIS telah dianugerahkan sebagai pemenang hujahan bertulis terbaik dan salah seorang peserta daripada KUIS, saudara Muhammad Amirul Ashraf Bin Mohd Rafi telah dinobatkan sebagai 5 penghujah terbaik dalam pertandingan tersebut. Peserta KUIS membawa pulang piala iringan dan wang tunai berjumlah RM 2000 beserta sijil. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta yang terlibat.

FAKULTI SYARIAH & UNDANG-UNDANG

Aras 1, Blok Akademik 3,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 6310

+603 8925 4402 @ fsu@kuis.edu.my

TEAM CLOUD9 KUIS JUARA CRAC 2018

Oleh : Khairulnizam Abd. Rahman, FSTM

Pencapaian team CLOUD9 dari FSTM KUIS telah membanggakan KUIS apabila telah memenangi tempat pertama di Cyber Range Academy Conference 2018 (CRAC 2018). Acara ini telah berlangsung selama dua hari bermula 7 - 8 Oktober 2018 di Politeknik Mersing. Peserta telah didedahkan dengan seminar, workshop dan pertandingan.

Seiring dengan Revolusi Industri 4.0 bidang keselamatan sistem dan rangkaian komputer adalah merupakan salah satu bidang yang mendapat permintaan tinggi di dalam industri teknologi maklumat. Pendedahan bidang ini kepada pelajar adalah amat penting dan memerlukan sokongan daripada semua pihak bagi memastikan program-program pengajian di KUIS memenuhi kehendak pasaran kerja semasa. Bagi menyahut cabaran ini, pihak FSTM telah mengambil inisiatif melatih dan menghantar beberapa orang pelajar ke menyertai pertandingan keselamatan sistem dan rangkaian komputer yang dianjurkan oleh Politeknik Mersing, Johor.

Objektif KUIS menyertai pertandingan CRAC'18 Capture The Flag adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang keselamatan rangkaian komputer di peringkat IPT. Selain itu pertandingan ini juga menguji kebolehan pelajar KUIS dan pelajar daripada IPT-IPT yang turut serta untuk menghasilkan inovasi dalam bidang keselamatan sistem dan rangkaian komputer, memperolehi pengalaman dan dapat berinteraksi dengan agensi-agensi luar yang berperanan dalam bidang tersebut.

Pertandingan ini telah disertai oleh 3 orang pelajar FSTM iaitu Ahmad Fareed Fauzi Bin Mohamad Radzi, Muhammad Hazmirul Afiq Bin Mohamad Zairi dan Muhammad Al'Imran Bin Mohd Khairuddin. Pegawai yang mengiringi pelajar adalah En.Khairil Ashraf Bin Elias @ Mayah, En. Khirulnizam Bin Abd Rahman dan En. Azrul Sulaiman.



Tempat ke-2 pelajar FSTM KUIS bersama En.Khairil Ashraf & En.Azrul Bin Sulaiman

Sebelum itu team FSTM telah menyertai beberapa pertandingan seperti APU Battle of Hackers pada Khamis 13 Sept 2018 di Asian Pacific University (APU) dan mendapat tempat kedua (Cloud9 – previously RAIZA). Tempat pertama dimenangi oleh APU (team HashCow) dan tempat ketiga dari UniKL (team Occu17).

Tahniah Hazmirul, Fareed, Al-Imran, Arief, Nasrul, Yusof dan semua team #FSTMKUIS. Team ini telah bekerja keras mengikuti latihan dan membuat latihan. Semua peserta dari Bachelor Networking Technology FSTM KUIS, dan juga Special Interest Group (SIG-FSTM).

Objektif pertandingan ini bukanlah untuk menjadikan peserta mahir dalam mencerooboh (hacking) sistem komputer. Tetapi salah satu cara untuk mencegah sistem daripada dicerooboh, kita perlu tahu bagaimana mana pencerooboh berfikir, dan juga bagaimana pencerooboh mencerooboh. Pastinya kita perlu juga kuatkan peserta dengan iman dan etika yang baik. – to catch a thief, one must think as a thief – Cloud9 (previously RAIZA) – you made us proud!!!

Tahniah diucapkan kepada En Khairil Ashraf & Azrul Bin Sulaiman yang banyak membimbing kumpulan ini.

LAWATAN PENANDA ARAS INSTITUT TEKNOLOGI (IT) TELEKOM, PURWOKERTO INDONESIA PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK

Oleh : Unit Promosi, FSTM

Pada 3 hingga 7 September 2018 pihak Institut Teknologi Telkom Purwokerto (IT Telkom) telah mengadakan lawatan penanda aras ke KUIS. Seramai 10 orang delegasi yang terdiri dari wakil rektor, pensyarah, pegawai dan dua orang pelajar telah hadir ke program selama lima hari empat malam ini.

Lawatan ini adalah susulan daripada kerjasama antara FSTM, KUIS dan IT Telkom melalui Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai pada tahun 2016 dan akan berakhir pada tahun 2021. Pada tahun 2017 seramai tujuh orang pelajar FSTM KUIS telah mengikuti program mobiliti ke IT Telkom.

Program ini melibatkan kerjasama strategik di antara FSTM KUIS dan IT Telkom termasuk perkongsian ilmu, kepakaran dan cadangan kolaborasi dalam menjayakan beberapa program seperti persidangan, seminar, mobiliti pelajar dan tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Delegasi telah diberi taklimat oleh pihak FSTM, MARCOM, BPM, RMC, IRCIEF dan Masjid Al-Azhar KUIS. Sesi taklimat dan sumbang saran ini telah memberi pelbagai input yang bermanfaat kepada delegasi berkaitan aktiviti penyelidikan, kegiatan pelajar, proses perkuliahan dan kemasukan ke KUIS. Selain sesi terse-

but, para delegasi turut berpeluang melawat sekitar kampus KUIS dan beberapa tempat menarik dan bersejarah yang berdekatan dengan Kuala Lumpur dan Selangor.

Program lawatan ini diharap dapat memberi manfaat berterusan kepada kedua-dua institusi dalam mengembangkan tahap profesionalisme pensyarah ke peringkat yang lebih tinggi.

Bersama Pensyarah & pengurusan IT Telkom Purwokerto Indonesia



Ucapan Aluan Dato Rektor KUIS



Taklimat KUIS Kepada Delegasi

FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Aras 1, Blok Teknologi Maklumat,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7197

+603 8925 4473

@ fstm@kuis.edu.my

STAP '18 MEMARTABATKAN INSTITUSI TAHFIZ DI MALAYSIA

Oleh : Dr. Zetty Nurzuliana Rashed

Seminar Pendidikan Tahfiz Aliran Perdana 2018 (STAP '18) telah berlangsung dan menutup tirai dengan jayanya pada 11 Oktober 2018 di Dewan Auditorium Said Ramadhani al-Buti, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Seminar ini adalah anjuran bersama Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Yayasan Guru Tun Hussien Onn dan Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM).

Penganjuran seminar ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan iaitu memberikan pendedahan tentang program-program tahfiz yang wujud dalam negara oleh pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan tahfiz di dalam dan di luar KPM, membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan tahfiz dan memberikan cadangan kepada KPM kaedah penyelesaian yang praktikal untuk memperbaiki kelemahan melalui undang-undang dan peraturan sedia ada.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg Dr. Azhar bin Hj. Ahmad sekaligus menyampaikan ucapan tama. Turut menyampaikan ucapan dalam seminar ini iaitu Ustaz Azizan bin Muhammad selaku Penolong Ketua Pengarah Bahagian Kemajuan Islam JAKIM, PM. Dr. Mohd Aderi bin Che Noh merupakan pensyarah Fakulti Pendidikan UKM, dan Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Rektor KUIS.

Sesi petang diteruskan dengan Forum Perdana yang bertajuk "Harapan dan Realiti Pendidikan Tahfiz di Malaysia". Para penalis terdiri daripada Pengerusi PERMATA (Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia), Pengerusi PINTA (Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan), KPP Sains Sosial MARA, dan Pengetua SMK Bekuk, Johor, serta Prof. Madya Dr. Azmil bin Hashim sebagai moderator.



Forum Perdana "Harapan dan Realiti Pendidikan Tahfiz di Malaysia"

Seminar ini telah dihadiri seramai lebih kurang 150 orang peserta yang terdiri daripada Guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), pentadbir sekolah-sekolah yang melaksanakan KBT dan TMUA di bawah KPM, pegawai-pegawai di Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) yang terlibat dengan kurikulum tahfiz, pihak-pihak lain yang terlibat dengan kurikulum tahfiz, seperti wakil persatuan sekolah-sekolah tahfiz, wakil pihak berkuasa agama negeri dan pensyarah dan pelajar universiti yang terlibat dengan kajian dan pengajaran pembelajaran tahfiz.



Ucuptama dan Perasmian Seminar Pendidikan Tahfiz Aliran Perdana STAP '18 dan Ketua Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, KPM

MOBILITI OUTBOUND KUPU SB SERLAH POTENSI KENDIRI PELAJAR KUIS

Seramai 18 pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia & dan Ijazah Sarjana Muda TESL dengan Multimedia di bawah Fakulti Pendidikan (FP) telah mengikuti program mobiliti outbound di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Brunei Darussalam. Turut serta adalah lima pegawai KUIS yang terdiri daripada Dekan Fakulti Pendidikan, Dr Zetty Nurzuliana Rashed, Ketua Program Pasca Siswazah FP Prof. Madya Dr Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Suziana Hanini Sulaiman dan Suhana Mohamed Lip.

Program yang berlangsung selama dua minggu bermula 8 Oktober – 22 Oktober 2018 ini melibatkan kerjasama strategik di antara Fakulti Pendidikan KUIS dan Fakulti Pendidikan KUPU SB termasuk perkongsian ilmu, kepakaran dan cadangan kolaborasi dalam menjayakan beberapa program seperti persidangan, seminar dan tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Program mobiliti pelajar tidak berkredit ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan termasuk menghadiri kuliah dan program kebudayaan bersama pelajar KUPU SB. Aktiviti edu-tourism yang dikendalikan oleh VLP Team dijalankan di Taman Mahkota Bandar Seri Begawan bertujuan untuk mengenali lebih dekat sejarah, kebudayaan serta tempat-tempat menarik di sekeliling Bandar Seri Begawan. Selain itu, pelajar turut berpeluang mempelajari cara menyusun semaian serta cara membuat perpaipan pada semaian di tapak semaian dan pertanian yang terletak di Sengkurong dan dikendalikan oleh Nadi Pertanian KUPU SB.

Selain itu program seperti Hari Keusahawanan telah dilaksanakan di KUPU SB, manakala Breeze Walk di Taman Tasik dan aktiviti riadah di Jerudong Park. Pelajar turut berpeluang membuat lawatan ke Lamin Lampong & Pengkalan Warisan bagi menelusuri seni dan sejarah warisan Brunei, lawatan ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan melihat sekitar Bandar Seri Begawan serta Gadong.

Oleh : Mohd Amin Mohd Noh. –



Ketibaan dari KLIA – Bandar Seri Begawan



Program di Lamin Lampong



Pelajar KUIS bersama Raeis KUPU SB,
Dr Hj Adanan Haji Basar

Program ini telah memberi banyak manfaat berterusan kepada Fakulti Pendidikan dan pelajar KUIS dalam mengembangkan tahap profesionalisme keguruan dan akademik dalam bidang pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

KUIS-IPG ANJUR BENGKEL PENULISAN TRAVELOG BANTU PENGEMBARA MUSLIM HASILKAN JURNAL KARYA BERMUTU

Oleh : Julia Binti Madzalan

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mempunyai hubungan yang erat dengan pihak Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Teknik Bandar Enstek. Ini kerana terdapat jalinan kerjasama lanjutan daripada pelbagai program yang telah dijalankan. Maka, secara langsung, hubungan erat ini telah membuka ruang untuk lebih banyak kerjasama dan peluang hubungan dua hala di antara fakulti dan pihak IPG.

Lanjutan daripada hubungan erat di antara kedua-dua institusi, pada 9 dan 10 Ogos 2018, satu bengkel penulisan travelog telah dijalankan di Bilik Seminar Masjid Al-Azhar, KUIS. Seramai 30 orang peserta dari KUIS dan IPG Kampus Pendidikan Teknik terlibat di dalam bengkel ini dan dibimbing oleh Puan Norasiah binti Abdullah (pensyarah IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi) yang merupakan pakar rujuk di dalam bidang penulisan travelog.

Bengkel ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menghasilkan karya jurnal kembara yang membawa prinsip nilai yang tinggi berdasarkan hasil kreativiti daripada cara fikir, pengalaman dan pengetahuan pengarang yang merupakan pengembara Muslim. Nilai pandang pengembara Muslim yang mencakupi tujuan keseronokan pengembaraan diintegrasikan dengan aspek merenungi alam ciptaan Allah SWT sekaligus mensyukuri setiap kejadianNya di muka bumi ini.

Bengkel penulisan travelog ini mensasarkan beberapa objektif utamanya yang dihasratkan untuk dicapai pada akhir bengkel iaitu membentangkan draf karya travelog yang sesuai untuk diterbitkan dan menghasilkan buku antologi travelog warga KUIS dan IPG Kampus Pendidikan Teknik yang digarap daripada bengkel penulisan tersebut.

Hasil penulisan travelog ini telah dikumpulkan dan dijangka penerbitan penulisan travelog ini akan dapat direalisasikan menjelang akhir tahun. Diharapkan agar lebih ramai pengembara Muslim akan dapat menulis pengalaman pengembaraan mereka sekaligus memangkin bidang penulisan travelog pengembara

Muslim agar menjadi khazanah penulisan yang berharga pada masa akan datang.



Para peserta bengkel bergambar kenangan di lobi masjid.



Penyerahan cenderahati oleh Dr. Zetty Nurzuliana Rashed, Dekan Fakulti Pendidikan, KUIS kepada Dr. Yazid Abd. Manap, Pengarah IPG Kampus Pendidikan Teknik Bandar Enstek sambil diperhatikan oleh Pn. Norasiah Abdullah, penceramah bengkel.

KUIS & UNIDA GONTOR PERHALUSI ISU DAN CABARAN BAHASA ARAB DI ERA GLOBALISASI

Oleh : Noor Shamshinar Zakaria



Gambar kenangan bersama delegasi UNIDA Gontor Indonesia bersama wakil pengurusan KUIS dan warga Fakulti Pendidikan KUIS

BANDAR SERI PUTRA BANGI : Delegasi dan pelajar dari Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor Indonesia telah melaksanakan lawatan ilmiah ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 4hb Oktober 2018 dengan kerjasama Fakulti Pendidikan KUIS. Seramai 34 orang bakal guru dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab telah bersama-sama menyertai delegasi ini. Turut serta adalah dua orang pegawai Universiti UNIDA Gontor yang terdiri daripada Ybhg. Ustaz Hanafi dan Ybhg. Ustaz Aufa.

Lawatan yang berlangsung selama dua hari bermula 4 Oktober – 6 Oktober 2018 ini melibatkan kerjasama strategik di antara Fakulti Pendidikan KUIS dan Universiti UNIDA Gontor termasuk perkongsian ilmu, kepakaran dan cadangan kolaborasi dalam menjayakan beberapa program seperti konferens, seminar, mobiliti pelajar dan tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Salah satu kandungan tentatif kunjungan yang difokuskan sempena lawatan ilmiah ini ialah sesi sumbangsaran atau “Educational Talk” antara KUIS dan Universiti UNIDA yang bertajuk “Isu dan Cabaran Pendidikan Bahasa Arab di Era Globalisasi”. Dua orang ahli panel telah dipertanggungjawab untuk berkongsi tajuk tersebut iaitu Ybhg. Dr Abdul Razif bin Hj Zaini merangkap pengarah Pusat Pendidikan ISESCO Malaysia bersama Ustazah Noor Shamshinar binti Zakaria merangkap pensyarah Pendidikan Bahasa Arab, Fakulti Pendidikan KUIS.

Antara perkara penting yang diketengahkan ialah hala tuju pendidikan bahasa Arab yang telah dirangka oleh KPM yang telah menentukan matlamat untuk menjadikan pendidikan bahasa Arab di Malaysia sebagai pendidikan bertaraf dunia. Gagasan ke arah itu memerlukan dan menuntut komitmen yang padu daripada semua pihak termasuk guru. Kedua-dua panel telah mengupas lima aspek kompetensi guru bahasa Arab yang dijadikan garis panduan bagi melengkapkan kualiti guru bahasa Arab iaitu (a) kompetensi bahasa, (b) kompetensi profesionalisme, (c) kompetensi pedagogi, (d) kompetensi kurikulum dan (e) kompetensi penilaian. Namun, kompetensi karakter juga dijadikan kayu ukur untuk melahirkan guru bahasa Arab yang berkompoten. Menurut Ustaz Hanafi aspek karakter merupakan faktor utama yang diamalkan oleh guru-guru di Gontor bagi melahirkan guru yang berkompoten. Sumbangsan yang berlangsung hampir satu jam di dewan Senat KUIS ini telah memberi pelbagai input yang sangat bermanfaat bagi peserta yang hadir. Selain sesi bicara ilmu tersebut, para deligasi turut berpeluang melawat sekitar kampus KUIS dan mereka juga dibawa melawati beberapa tempat menarik dan bersejarah yang berdekatan dengan Kuala Lumpur dan Selangor.

Lawatan ilmiah ini diharap dapat memberi manfaat berterusan kepada Fakulti Pendidikan KUIS dan para guru dari UNIDA Gontor dalam mengembangkan tahap profesionalisme keguruan dan akademik dalam bidang pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.



BENGGKEL OBE PERMUDAH PROSES PENILAIAN DALAM P&P

Oleh : Dr Zetty Nurzuliana Rashed

Bengkel Outcome Based Learning telah dilaksanakan pada 24 Oktober bertempat di Dewan Kuliah Ishak Baharom. Program ini dihadiri oleh 70 orang peserta yang terdiri dari Dekan-dekan, Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan, Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Program. Kehadiran peserta dalam program ini adalah amat memberangsangkan. Penceramah untuk program ini adalah terdiri daripada dua orang pegawai dari Institut Pendidikan Guru Malaysia, Dr. Mohamad Ziyad Bin Mukhtar manakala En. Izzuddin Muhamed dari Institut Pendidikan Guru.

Bengkel ini adalah memenuhi keperluan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA), dan badan-badan profesional yang berkaitan mewajibkan supaya kesemua program akademik yang ditawarkan di Malaysia perlu mengamalkan proses Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education, OBE) serta menerapkan elemen-elemen Kemahiran Insaniah (KI) bagi memenuhi sebahagian daripada kriteria utama pengiktirafan program. OBE menjurus kepada perancangan dan hasil yang bakal diperolehi oleh setiap pelajar dalam setiap program yang diikuti. Hasil pembelajaran menitikberatkan persoalan mengenai pengetahuan, sikap dan kemahiran yang perlu dicapai semasa pengajian dan diaplikasi dalam kerjaya mereka. OBE merupakan proses yang melibatkan penstrukturan semula kurikulum, kaedah pembelajaran dan pengajaran, kaedah penilaian dan pelaporan pencapaian bagi tujuan penambahbaikan program. Konsep OBE memberi fokus kepada hasil pelaksanaan sesuatu program pengajian. Secara keseluruhannya, OBE memfokuskan kepada empat (4) elemen yang utama dalam pelaksanaan sepanjang program akademik iaitu (i) Perancangan (planning), (ii) Pelaksanaan (implementation), (iii) Pemantauan (monitoring), dan (iv) Penilaian (assessment).

Bengkel ini juga menjelaskan kepada kakitangan akademik untuk mempelajari cara menghasilkan hasil pembelajaran untuk setiap kursus yang ditawarkan

oleh fakulti. Bengkel ini juga sesuai digunakan kepada penggubal dokumen program baru yang ditawarkan. Di samping itu ia diharapkan dapat mencapai kepada kehendak dan keperluan dari pihak Malaysia Qualification Agencies (MQA). Objektif yang hendak dicapai melalui program ini adalah menjelaskan konsep pendidikan berasaskan OBE dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), menjelaskan perkaitan OBE dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia, polisi kerajaan dan MQA, menyemak modul/kursus pengajaran dan pembelajaran berasaskan konsep OBE serta membina rubrik pemetaan program/kursus berasaskan OBE dalam PdPc.



Antara peserta-peserta Bengkel OBE



Penceramah 1 : Dr. Mohamad Ziyad Mukhtar

FAKULTI PENDIDIKAN

Aras 1, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 1310

+603 8925 4459

@ fp@kuis.edu.my

AL-QURAN ADALAH SYIFA'

Oleh : Wan Fakhru Razi Bin Wan Mohamad

Saya akan kongsi mengenai rahsia al-Quran sebagai syifa' atau penyembuh. Ramai orang bertanya, Adakah al-Quran mampu mengubati penyakit? Bagaimana hanya dengan membaca beberapa potong ayat al-Quran, sakit yang dihadapi mampu sembuh?

Percayalah! Al-Quran adalah mukjizat terbesar yang diberikan kepada Rasulullah SAW dan kemudiannya sampai kepada kita sebagai umat baginda. Al-Quran merupakan kalam Allah dan sememangnya kuasa penyembuh itu adalah milik Allah. Bukanlah sesuatu yang janggal apabila al-Quran dikatakan mampu menjadi alat penyembuh penyakit. Allah berfirman di dalam surah Al-Isra' pada ayat 82 yang bermaksud:

"Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim melaikan kerugian"

Menurut Abu Bakar Jabir al-Jazairi bahawa huruf **من** pada ayat tersebut berfungsi sebagai penjelas (**مبينه**) bagi huruf maushul **ما**, bukan ibtida' atau zaidah. Sementara itu, Muhammad Sayyid Thanthawi mengatakan bahawa huruf **من** pada ayat tersebut bukan untuk tab'idh (**التبويض**) atau menunjukkan sebahagian, maka makna ayat tersebut adalah **الذي هو قرآن ما هو شفاء** **وتنزل من هذا الجنس**

Dengan demikian, ayat tersebut menegaskan bahawa semua kandungan al-Qur'an merupakan ubat dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Telah diketahui umum bahawa kaedah perubatan Islam yang diamalkan oleh semua perawat di Malaysia adalah 100 peratus menggunakan ayat al-Quran. Mereka sangat yakin dengan mukjizat al-Quran sebagai alat penyembuh. Bagi saya, jika bukan kita sebagai orang Islam, siapa lagi mahu mengangkat martabat mukjizat agung ini. Secara umum, rawatan bermula dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Kalimah mulia ini sebagai 'pembuka pintu' kepada setiap sesi rawatan bagi pesakit. Kalimah ini membezakan muslim dan bukan muslim. Kalimah inilah sebagai penyaksian sewaktu lahir dan sebelum kematian. Maka, rawatan dimulakan dengan lafaz dua kalimah syahadah. Ini menunjukkan tawakal dan kebergantungan kita kepada zat yang Maha Penyembuh, iaitu Allah.

Seterusnya, membaca surah Al-Fatihah. Surah ini

bukanlah hanya digunakan ketika solat sahaja, sebaliknya surah Al-Fatihah turut terbukti sebagai perantaraan penyembuh penyakit yang luar biasa mujarabnya. Kerana itu surah ini digelar ibu segala surah dan dimulakan menjadi surah pembukaan di dalam mushaf al-Quran.

Di sebut dalam sebuah hadis sahih daripada Abu Said al-Khudri r.a., ia menjelaskan adanya satu kumpulan sahabat Rasulullah keluar bermusafir. Di tengah perjalanan mereka singgah di sebuah perkampungan Badwi.

Mereka meminta makanan, tetapi penduduk kampung enggan memberinya. Dengan takdir Allah, ketua penduduk kampung tersebut disengat oleh seekor binatang berbisa. Salah seorang sahabat Rasulullah bersedia untuk mengubatnya. Lalu membaca sesuatu dan ditiupkan ke tempat luka lelaki tadi. Dengan kuasa Allah, lelaki itu sembuh. Para sahabat lain hairan, apakah ayat yang dibacakan oleh sahabat tadi? Sedangkan sahabat mereka bukan seorang tabib atau pernah mengubati penyakit. Sahabat itu berkata, dia hanya membaca surah Al-Fatihah. Berita ini sampai kepada Nabi Muhammad dan baginda mengesahkan perbuatan lelaki tersebut.

Riwayat ini membawa pengajaran kepada kita mengenai betapa besar fadhilat surah Al-Fatihah. Kalau difikirkan dari sudut logik akal, mustahil hanya dengan hanya membaca Al-Fatihah, bisa daripada binatang boleh dikeluarkan dan sembuh. Ini yang dikatakan kuasa penyembuh milik mutlak Allah dan kita harus berikhtiar. Apa yang pasti, kisah ini membawa pengajaran berguna, bahawa ayat suci al-Quran bukan sahaja bertindak sebagai panduan hidup, malah sebagai alat penyembuh penyakit yang sangat mujarab.

Di kalangan masyarakat Melayu khususnya di Malaysia, ramai yang yakin bahawa ayat suci al-Quran mampu menjadi penawar, namun hanya bagi penyakit bersifat spiritual atau penyakit kerohanian. Misalnya sihir, santau, saka, rasukan, jin dan lain-lain. Masyarakat kita masih ramai yang kurang yakin bahawa ayat suci al-Quran mampu malah berkesan merawat penyakit bersifat fizikal seperti kencing manis, darah tinggi, kanser dan sebagainya. Contohnya surah Al-Isra' ayat 40 hingga 55 untuk menyembuhkan penyakit berkaitan jantung, surah Qaf ayat 16 hingga 45 untuk

menyembuhkan penyakit berkaitan urat saraf dan tulang dan banyak lagi.

Rata-rata kita tidak melihat "proses" penyembuhan melalui ayat al-Quran. Sukar diterima akal, hanya dengan membaca ayat suci al-Quran, penyakit fizikal sembuh tanpa ubat atau pembedahan. Ramai di antara kita lebih mempercayai perubatan moden, yang jelas kelihatan proses penyembuhan dan rawatan seperti pembedahan, ubat, suntikan dan sebagainya.

Secara peribadi, saya tidak menolak rawatan moden, malah menggalakkan pesakit merujuk kepada doktor atau menjalani rawatan moden. Namun, apa yang mahu saya tekankan adalah, al-Quran juga mampu menjadi penawar penyakit fizikal. Firman Allah dalam surah Yunus pada ayat 57 yang bermaksud "Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepada kamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman...".

Bagaimana al-Quran boleh bertindak sebagai alat penyembuh? Persoalan ini tidak dapat dijelaskan oleh logik akal manusia, namun sebagai sedikit gambaran kepada pembaca, pertama sekali kita harus yakin bahawa al-Quran adalah mukjizat agung dan firman Allah sendiri menyatakan di dalamnya mempunyai syifa atau penyembuh. Ayat al-Quran mempunyai aura tersendiri yang sepadan dengan jenis penyakit. Apabila ayat ini dibaca oleh pesakit, maka aura ayat suci ini akan bertindak terhadap penyakit yang dihidapi dengan izin Allah.

Dalam erti kata lain, rawatan menggunakan ayat suci al-Quran ini bertindak umpama rawatan moden, namun prosesnya tidak mampu dilihat dengan mata kasar dan dijelaskan dengan logik akal. Selain amalan pembacaan al-Quran secara istiqamah dan konsisten, doa kepada Allah dan keyakinan tinggi terhadap mukjizat agung al-Quran sebagai perantaraan penyembuh juga perlu diamalkan oleh pesakit.

Kesimpulannya, al-Quran adalah mukjizat agung yang diturunkan Allah untuk umat Nabi Muhammad dan kalau bukan kita, siapa lagi yang patut mendaulatkan al-Quran? Rugi besar jika orang Islam mensesiakan al-Quran dan tidak meyakinkannya. Yakinkanlah dengan al-Quran, bukan sahaja sebagai kitab yang dibaca sebagai petunjuk, tetapi sebagai ubat yang diamal setiap hari sebagai penyembuh. Akhir sekali, saya berharap agar suatu hari nanti, ramai doktor Muslim dapat menerima al-Quran sebagai medium penyembuh penyakit serta menggunakannya bersama rawatan perubatan moden mereka.



KENALI STRESS & CARA MENGATASINYA

Oleh: Zahanim Ahmad

Apa itu Stress?

Stress berlaku apabila sesuatu perkara yang menyukarkan, terancam, atau dalam keadaan tercabar. Tindak balas terhadap perkara-perkara yang menyukarkan termasuklah dari segi psikologi, emosi, kognitif dan perubahan kepada tingkahlaku anda. Kebiasaannya stress akan hadir apabila anda mengalami ketidakseimbangan di antara keperluan dan permintaan dalaman dan luaran. Stress adalah tekanan dan penyakit emosi. Anda dikatakan mengalami stress apabila tidak dapat mengawal diri dan tidak lagi berupaya menghadapi tekanan yang dialami.

Bagaimanakah Mengetahui Sekiranya Anda Stress.

Individu dikatakan didalam keadaan stress apabila mengalami perubahan-perubahan dari segi fizikal, tingkah laku, emosi, kognitif, pekerjaan dan kesihatan. Perubahan yang berlaku dari segi fizikal adalah peningkatan degupan jantung, sakit kepala, kenaikan bacaan tekanan darah, tapak tangan yang berpeluh-peluh, sakit dada, anggota tangan yang mengigil, belakang dan kepala mengalami kesakitan, mengalami cirit birit, keletihan yang kronik dan sering mengalami kerisauan. Perubahan dari segi tingkah laku pula adalah seseorang individu akan bertindak agresif, peningkatan terhadap pengambilan alcohol dan rokok, menyendiri, mudah marah, bercakap laju, penurunan terhadap keinginan seks, sukar tidur dan sering berlaku cuai dalam melaksanakan sebarang tugas atau pekerjaan, bersosial dengan rakan dan keluarga, ketegangan pada emosi, merasa keadaan persekitaran sentiasa mengganggu, sentiasa melihat masalah-masalah ringan yang berlaku disekeliling adalah sesuatu yang membebankan, sentiasa risau dan sering takut, menyesali akan diri sendiri, dan cepat merasa letih. Perubahan emosi pula adalah individu menjadi tidak sabar, rendah diri, rasa tidak berguna, syak wasangka yang berlebihan, sentiasa merasa sedih. Perubahan pada kognitif adalah cepat lupa, hilang tumpuan dan fokus, terlalu sensitive, sukar untuk membuat keputusan dan kurang produktiviti. Perubahan pada profession pula adalah sering ponteng kerja, penurunan kepuasan diri dalam profession yang disandang, cuai ditempat kerja, konflik dalam, dan kurang memberikan komitmen. Apabila didatangi stress maka penyakit akan mudah menyerang seperti asthma, sakit kepala, masalah kulit, penyakit jantung koronari, dan sering mendapat selsema, tekanan darah tinggi dan diabetes

Apakah faktor Penyebab Stress?

Terdapat pelbagai faktor penyebab stress antaranya ialah apabila berlaku kematian ahli keluarga tersayang, penceraihan,

penyakit, masalah ditempat kerja, masalah kewangan, menghadapi peperiksaan, penyesuaian diri di tempat kerja yang baru dan juga apabila terpaksa berhadapan dengan “deadlines”. Faktor luaran seperti suasana yang bising, pengcahayaan yang kurang baik, perhubungan yang kurang menyenangkan dan berhadapan dengan pelbagai peraturan yang ketat samaada di tempat kerja mahupun dirumah atau di sekolah. Faktor dalaman adalah pengambilan diet yang tidak seimbang, kurang melakukan senaman fizikal, memandang sesuatu masalah atau perkara dengan terlalu serius, tidak berupaya mengurus dalam menyesuaikan diri pada situasi baru. Dari segi kognitif rasa diri terancam, kecewa, berlaku konflik dalam diri serta membayangkan keadaan fantasi yang menakutkan.

Stress Berpanjangan Memudaratkan.

Stress adalah sebahagian daripada setiap kehidupan manusia dan ianya adalah sesuatu yang amat menyukarkan. Tidak dinafikan stress ada kalanya diperlukan dalam kehidupan kita. Stress baik dikenali sebagai “Eustress”. “Eustress” ini berpotensi memberikan elemen-elemen positif dalam kehidupan. Sebagai contohnya apabila menghadapi peperiksaan, stress yang ada akan membantu mereka lebih bersedia dan membuat ulangkaji bagi menghadapi situasi tersebut serta akan dapat hasil yang cemerlang. Namun begitu apabila stress tidak dapat diuruskan dengan baik, ia boleh memberikan kesan yang buruk. Stress yang berterusan akan menyebabkan individu menjadi lebih agresif dan juga perubahan terhadap psikologikal dan biokimia badan yang mana penyakit kronik mudah diinggap.



Teknik Mengurangkan Stress.





Belajar mengenali dan mengawal tahap stress dalam diri apabila berhadapan dengan sesuatu masalah. Apabila anda mempunyai masalah sebaiknya belajar bagaimana untuk melihat masalah itu sebagai sesuatu perkara yang positif dan motivasi kepada diri. Perhatikan sekiranya terdapat demand dari dalam diri kita sebagai contohnya adakah anda dari jenis Type A iaitu sentiasa inginkan kepantasan, tidak suka menunggu, tidak sabar, mudah hilang kawalan apabila merasa marah, mudah marah apabila terdapat kesilapan yang dilakukan oleh orang lain, bercakap dengan suara yang kuat dan nada yang keras, suka melakukan kerja dengan cepat dan tergesa-gesa dan jenis yang tidak boleh duduk diam sentiasa melakukan sebarang aktiviti, sekiranya tidak melakukan aktiviti mudah merasa bersalah. Individu jenis ini lebih mudah mengalami stress yang teruk jika berhadapan dengan situasi yang sulit.

Menangani stress meliputi pelbagai teknik, antaranya ialah bantu diri sendiri iaitu belajar bagaimana mengawal kemarahan, cabar diri untuk kawal perasaan, latih diri bagaimana untuk menjadi seorang yang sentiasa berfikiran positif, belajar teknik komunikasi yang berkesan, "assertiveness" sangat penting dalam komunikasi berkesan, kurang kemahiran berkomunikasi dan tiada "assertiveness" akan mengalami tekanan emosi yang teruk (burn out), keresahan dan kebimbangan yang melampau. Selain daripada itu teknik senaman regangan otot, senaman pernafasan dalam dan menonton yakni teknik visual dapat membantu mengurangkan tahap stress. Teknik relaksasi juga adalah antara komponen penting dalam menangani stress. Teknik relaksasi akan dapat meregangkan tekanan sekaligus memberikan kesan yang baik terhadap perubahan fisiologi badan apabila berhadapan dengan stress yang berpanjangan. Belajarlah bagaimana mendapatkan pandangan yang realistik dan positif. Tetapkan impian dan menerima proses bagi mencapai impian dengan berlapang dada daripada memikirkan hasilnya. Berhenti memikirkan sesuatu perkara yang diluar kemampuan diri dan yang tidak boleh diubah lagi seperti profession, keputusan peperiksaan. Apabila anda merasa sedih dengan tiba-tiba, segera cari penyelesaian dan buat perkara yang menggembirakan, seimbangkan kehidupan dengan mendapatkan senaman yang kerap, diet yang seimbang dan bernutrisi, dan luangkan masa untuk beriadah bersama keluarga. Belajar sayangi diri sendiri katakan pada diri bahawa kita juga hebat dan ingati pencapaian-pencapaian lepas yang pernah diperolehi. Jangan mengingati kisah silam yang membawa kepada

kekecewaan dan gunakan prinsip yang lepas biarkan berlalu dan teruskan kehidupan sekarang. Pengurusan masa yang berkesan juga antara teknik yang perlu di praktikkan kerana ia dapat membantu menangani stress kerana kita akan bijak menentukan dan menyusun kerja dengan lebih sistematik dan mendahulukan perkara-perkara yang lebih penting. Sistem sokongan yang baik juga dapat membantu menangani stress yang dihadapi dengan cara berkongsi masalah dengan ahli keluarga terdekat atau rakan, kaedah ini dapat memberikan kekuatan dan merasa diri tidak keseorangan. Sokongan dari segi "spiritual" iaitu dengan mendekati diri dengan Tuhan adalah teknik yang harus dipraktikkan. Semua agama mengajar penganutnya kearah kebaikan dan perkara ini dapat memberikan kekuatan dan sokongan dalaman diri anda supaya berlapang dada dan berfikiran positif.

Stress merupakan jenis perubahan yang menyebabkan rasa tegang fizikal, emosional dan psikologi. Ianya adalah biasa. Namun begitu perlu diingatkan stress boleh membawa kesan positif dalam kehidupan. Anda perlu ada sedikit tekanan untuk membuat sesuatu perkara dengan hasil yang cemerlang. Semua insan mengalami stress yang berkaitan dengan kerja, keluarga, keputusan dan masa depan. Bagaimana tanggapan individu terhadap stress bergantung kepada individu tersebut dan ianya adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Faktor persekitaran, pengalaman dan genetik seseorang yang menyebabkan tanggapan itu berbeza-beza. Kunci untuk menangani stress ialah untuk memastikan tahap stress adakah ianya sesuai dan boleh memberi anda tenaga, keghairahan dan motivasi dan juga adakah tahap stress yang boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan anda. Semua ini diri anda yang menentukannya. Bersikap terbuka dalam semua perkara dengan membuka minda dan anda sedia menerima sesuatu masalah. Sedar dan mensyukuri bahawa segala yang berlaku adalah ketentuan dari Pencipta dan ada hikmah di sebaliknya. Gunakan kelebihan fikiran yang dikurniakan Tuhan untuk mengatasi masalah mendatang. Amalkan gaya hidup sihat dengan mengambil makanan seimbang dan hidup secara teratur serta terurus dan jangan melakukan kegiatan yang tidak sihat dan merosakkan diri dan kehidupan.

PUSAT PENGAJIAN TERAS

-  Aras Bawah, Blok Akademik 2,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor darul Ehsan.
-  +603 8911 7000 sambungan 2240 / 1418 / 1220 / 1205
-  +603 8926 8462  info@kuis.edu.my

1,534 GRADUAN KUIS TERIMA IJAZAH DI MAJLIS KONVOKESYEN KUIS KALI KE-21

Oleh : Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail



Graduan PhD bersama Rektor, Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan), Dekan Fakulti, Pengarah PPS dan Para Penyelia sempena Majlis Pemakaian Jubah.

Seramai 1,534, graduan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) diraikan dalam Majlis Konvokesyen KUIS Kali ke-21 yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 11 dan 12 Ogos 2018 bertempat di Pusat Konvensyen, KUIS. Pada Majlis Konvokesyen kali ini, menyaksikan seramai 2 graduan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah, 10 graduan Ijazah Sarjana, 706 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 816 graduan Diploma. Majlis gilang-gemilang ini menjadi sejarah KUIS kerana meraikan graduan sulung untuk Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat dan Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat.

Terdahulu, Majlis Pemakaian Jubah telah diadakan pada 8 Ogos 2018, khas kepada graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat sempena Majlis Konvokesyen KUIS. Dalam majlis tersebut, 2 graduan Ijazah Doktor Falsafah KUIS iaitu Dr. Yaakob Hasan dan Dr. Ahmad Misbah Mohamad Hilmi telah diraikan bersama-sama dengan Pengurusan KUIS, Pengurusan Fakulti dan para penyelia masing-masing.

Pada tahun ini, majlis konvokesyen KUIS telah berlangsung sebanyak 4 sidang penganugerahan kepada para graduan dengan pembukaan

Sidang Pertama Majlis Konvokesyen KUIS disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Shari, Sidang Kedua Majlis oleh Yang Berbahagia Dato' Rektor KUIS merangkap Ahli Lembaga Pengarah, KUIS, Sidang Ketiga Majlis oleh Yang Amat Dihormati, Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Haji Munawi, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor dan Sidang Keempat oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor iaitu Yang Berbahagia Dato' Bakhtiar Hussin.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Shari telah menyampaikan anugerah kepada 8 penerima Anugerah Pelajar Terbaik seperti berikut:

1. Anugerah Diraja Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Saudari Nur Amalina Sahuddin, Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) (Kepujian) dari Fakulti Pengurusan Dan Muamalah
2. Anugerah Dato' Menteri Besar Selangor
Saudari Nur Fatrah Atikah Mohamad Rodzi, Program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Sunnah Dengan Komunikasi (Kepujian) dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam



TAHNAH PENERIMA ANUGERAH PELAJAR TERBAIK

3. Anugerah Exco Kerajaan Negeri Selangor (Doktor Falsafah) Dr. Yaakob Hasan, Program Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam

4. Anugerah Exco Kerajaan Negeri Selangor (Ijazah Sarjana Muda) Saudari Fatiha Nadrah Roslan, Program Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang (Kepujian) dari Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

5. Anugerah Rektor Saudari Nur Hannan Habibollah, Program Diploma Pengajian Islam (Al-Quran Dan As-Sunnah) dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam

6. Anugerah Kepimpinan Siswa Saudara Muhamad Hilme Izanee, Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Multimedia (Kepujian) dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam

7. Anugerah Kepimpinan Siswi Saudari Nurul Nadhirah Shahabudin, Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang (Kepujian) dari Fakulti Pengurusan Dan Muamalah


Buat julung kalinya juga Anugerah Khas *Islamic Educational, Scientific And Cultural Organization (ISESCO)* diperkenalkan dan dianugerahkan kepada Saudara Aziz Azimullah Baharuddin, graduan Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam.


Majlis Konvokesyen pada tahun ini juga turut memperkenalkan slot ucapan khas Alumni KUIS yang telah berjaya dengan penghormatan tersebut diberikan kepada Kapten Mohd Naim Haji Ahmad, graduan Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS bagi menyuntik semangat kepada para graduan KUIS untuk menjadi alumni KUIS yang berjaya dan disegani dalam kalangan kelompok masyarakat dan negara.


Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri berkata, melalui konvokesyen kali ini, KUIS kini telah berjaya melahirkan sejumlah 18,546 graduan dari pelbagai bidang pengajian.

Majlis Konvokesyen KUIS tahun ini, turut dimeriahkan dengan penganjuran Ekstival oleh Majlis Perwakilan Pelajar KUIS dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Mahasiswa, KUIS bertempat di Dataran Ilmu, KUIS.

BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)

 Aras 1, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor darul Ehsan.

 +603 8911 7000

 +603 8925 7677

 bpa@kuis.edu.my

The Fourth International Conference on Islamiyyat Studies 2018 (IRSYAD 2018)

Oleh: Pn. Raja Nor Ashikin Binti Raja Ramli



TETAMU VIP IRSYAD 2018

IRSYAD 2018 adalah anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan merupakan penganjuran kali yang ke-4 yang bertujuan meningkatkan pembangunan penyelidikan dalam kalangan para pengkaji Islam serta berkongsi hasil dapatan penyelidikan di peringkat antarabangsa khususnya dalam menangani pelbagai isu globalisasi berkaitan umat Islam dan merungkai permasalahan dan dilema yang dihadapi oleh umat Islam masa kini.

Menurut Dekan Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Prof Madya Dr Mariam Abd Majid, IRSYAD telah dianjurkan sejak tahun 2015 lagi dan tahun ini merupakan kali ke-4.

Persidangan IRSYAD 2018 kali ini bertemakan “*Dignifying Islamic Studies Toward Globalisation*” yang mana bertujuan untuk membuat perkongsian ilmu hasil penyelidikan dari para pembentang dengan penghasilan idea yang positif dan praktikal sebagai solusi dan amalan berkesan menangani isu dan cabaran global masa kini.

IRSYAD pada kali ini melibatkan 98 pembentang dan 3 peserta serta menampilkan penyertaan dan pembentang daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kolej Islam Sultan Yahya Petra, Kelantan (KIAS), Universiti Teknologi Mara, Terengganu (UiTM), Madrasah Al-Sagoff Singapura dan Kogi States University, Anyigba Nigeria untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka berkenaan dakwah, bahasa, komunikasi, hadis, konflik rumahtangga, hudud, liberalisasi dan zina.



AJK IRSYAD 2018

Paling menjadi tarikan IRSYAD 2018 pada kali ini, ianya telah menyaksikan termeterainya perjanjian kerjasama (MoC) di antara KUIS dengan Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam (Darussyifa’). Kerjasama ini adalah untuk melaksanakan program Diploma Eksekutif Perubatan Islam buat julung-julung kalinya di Malaysia.

Selain itu antara pihak penaja yang terlibat dalam menjayakan persidangan IRSYAD kali ke-4 iaitu SUK, Siti Khadijah, JAKEL, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Tabung Amanah Pembangunan Islam Negeri Selangor (TAPIS), KUISCELL Sdn Bhd, Sapura Energy dan Poliklinik An-Nur.

Persidangan yang diadakan selama dua hari bertempat di Tenera Hotel, Bangi itu turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato Haji Paimuzi Yahya; Timbalan Rektor Pengurusan Korporat KUIS, Dr Zulkifli Abd Hamid; ADUN Sg Ramal, Tuan Haji Mazwan Johar dan Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam Universiti Utara Malaysia, Profesor Dr Asmadi Mohd Naim.



Peserta IRSYAD 2018

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM

Aras 2, Blok Akademik 2,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7167

+603 8925 4402

fppi@kuis.edu.my

ZIARAH MAHABBAH “ SEMARAK KASIH ” KUIS BERSAMA PELAJAR-PELAJAR MAAHAD TAHFIZ AT- TAYYIBAH

Disediakan oleh : Dr. Norziah Binti Othman

Remaja adalah golongan pelengkap kepada sebuah masyarakat yang aman dan harmoni. Mereka merupakan tunjang yang bakal menggerakkan kemajuan dan kece-merlangan negara pada masa akan datang. Atas faktor ini, maka mahasiswa semester 3 dan 4 Diploma Pengurusan Sumber Manusia dan kumpulan mentoring di bawah seliaan Encik Azharuddin Bin Hashim selaku mentor telah menganjurkan suatu program khidmat masyarakat di Maahad Tahfiz At Tayyibah, Sungai Merab Luar, Kajang, Selangor. Program yang berlangsung selama setengah hari pada 8 September 2018 ini adalah bertujuan untuk menyumbang khidmat bakti di samping merapatkan ukhuwah dengan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz tersebut.

Seramai 26 orang pelajar tahfiz pelbagai peringkat umur antara 6 hingga 18 tahun dan kesemuanya lelaki turut serta dalam program yang melibatkan aktiviti dalam kumpulan, sesi perkongsian antara pelajar KUIS sendiri berkaitan pembelajaran dan diakhiri dengan gotong royong membersihkan kawasan sekitar maahad tersebut. Sambutan yang menggalakkan diterima daripada pelajar-pelajar tahfiz ini. Kerjasama baik yang diberikan oleh pihak pentadbir di maahad ini banyak membantu kelancaran aktiviti yang dijalankan dan yang paling penting pelajar selaku peserta program berupaya men- cakna ilmu yang dikongsi dengan berkesan. Program ini secara tidak langsung turut memberi pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi KUIS agar mengambil peluang ini dengan cuba berkomunikasi dengan baik di samping berjinak-jinak dengan kerja amal.



Sesi Perkongsian ilmu yang disampaikan oleh salah seorang pelajar KUIS.



Pelajar-pelajar KUIS selaku mentee yang terlibat menjayakan program Ziarah Mahabbah ke Maahad Tahfiz At-Tayyibah, Sg Merab Luar, Kajang, Selangor.



Aktiviti dalam kumpulan yang dikendalikan oleh dua orang pelajar KUIS sebagai fasilitator.

FAKULTI PENGURUSAN & MUAMALAH

Aras Bawah, Blok Akademik 1,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7181

+603 8925 4472

fpm@kuis.edu.my



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية لاسلام
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR



SERTAI... WAKAF PENDIDIKAN KUIS

*"Dalam kehidupan ini usia akan berakhir,
tetapi biarlah pahala terus mengalir"*

#jomwakafdikuis
#wakafilmukuis
#pelaburanduniauntukakhirat

Bahagian Zakat, Wakaf & Infaq, Kolej Universiti Islam Antarabangsa selangor,
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor.
Tel : 03 8911 7094, 8911 7022. Web: www.kuis.edu.my



ZAKAT ANDA MENJANA PEMBANGUNAN GENERASI DA'I, ULAMA' & UMARA'



*pada harta kita, ada hak orang lain
tunaikan kewajipan berzakat, hidup lebih berkat*

#bersih2.5%
#jomzakatdikuis
#bahagiadenganmemberi
#siriiklanjiwa2

BAHAGIAN ZAKAT, WAKAF & INFAQ
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
BANDAR SERI PUTRA, 43000 KAJANG, SELANGOR
03 8911 7094 , 8911 7022 zakat@kuis.edu.my



FATHI

MULAKAN MASA DEPAN ANDA DI SINI HANYA DENGAN 3 KREDIT

DIPLOMA

17 program

**Ijazah
SARJANA
Muda**

21 program

SARJANA

20 program

ASASI

6 program

PhD

4 program



Da'i Adam

Juara Da'i Musim ke 6
Mahasiswa KUIS



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية انتارابangsa سلانجور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
DKU002(B)

**PERMOHONAN TELAH DIBUKA
KEMASUKAN JUN 2019**

**MOHON SEKARANG
www.kuis.edu.my**



Permohonan terbuka kepada warganegara Malaysia
lepasan SPM / SVM / STPM / STAM / Matrikulasi / Asasi /
Diploma / DVM & Setaraf



Mod pengajian sepenuh masa/ separuh masa.



Permohonan Secara Online / Walk-In / WhatsApp
/ Facebook & Instagram.

f fbkuis

instakuis



019 - 389 6937 / 019 - 226 0746



603 - 8911 7000 / 72 / 73